# Buletin 2024

**Daripada MDBachok**

# GOTONG-ROYONG DI PANTAI KEMASIN


















Menaik Taraf Lanskap
Bersama Yang Dipertua, ahli majlis
dan kakitangan Majlis Daerah Bachok

**23 JUN 2024**

# BOWLING TAHUNAN MDBACHOK 2024
















**7 JUN 2024**

BOWLING TAHUNAN MD BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM TAHUN 2024

Sesi sukan/permainan bersama seluruh warga MDBBPI dalam sukan bowling dan turut di sertai oleh Yang Dipertua MDBBPI, YABrs. Haji Shamsul bin Abu Bakar dan Setiausaha MDBBPI, YBrs. En. Mohd Ezazee bin Mohd Embong di Mydin Mall, Tunjong.

Kami berharap dengan aktiviti ini mampu mengeratkan silaturrahim dan ukhwah di antara ketua jabatan, pengurusan tertinggi dan seluruh unit/jabatan di MDBBPI.

Tahniah kepada semua pemenang peringkat kumpulan dan individu bagi lelaki/wanita.

# PROGRAM INISIATIF PENANAMAN POKOK BAKAU






Program Inisiatif Penanaman Pokok Bakau 2024 Negeri Kelantan telah diadakan pada 27 Mei 2024 (Isnin) di Pantai Melawi, Bachok.
‘JAGALAH KEBERSIHAN PANTAI KITA’
Program ini bagi melestarikan penanaman pokok dan sebagai inisiatif kepada Penanaman 100 Juta Pokok Seluruh Malaysia. Program ini adalah kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia, Radicare Sdn Bhd (Urusetia/CSR) Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, KRT Melawi dan agensi-agensi persekutuan dan negeri yang terlibat.
Hadir sama Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan YBhg. Dato’ Dr. Zaini bin Husin, Ketua Jajahan Bachok YABrs. Haji Shamsul bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Radicare Sdn Bhd YBrs. Hajah Halwah binti Abdul Manaf, pegawai-pegawai dan seluruh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.
Antara intipati ucapan YBhg. Dato’ Dr. Zaini dan YABrs. Haji Shamsul agar semua pihak bekerjasama dalam menyumbangkan tenaga dan idea untuk mencapai kecemerlangan dalam menjaga alam ini dan aktiviti penanaman pokok adalah satu inisiatif penting bagi menjaga eko sistem alam ini dan berharap agar langkah ini menjadi inspirasi kepada semua pihak.






**27 MEI 2024**

# HARI RAYA AIDILFITRI 2024










Terima kasih kepada semua yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 9 Mei 2024 yang lalu.
Terima kasih kepada YB. Hilmi bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan yang turut hadir memeriahkan sambutan ini.
Ikhlas daripada
YABrs. Yang Dipertua
Setiausaha
Ahli-Ahli Majlis
Dan
Warga Kerja
Majlis Daerah Bachok
Bandar Pelancongan Islam

**9 MEI 2024**

# CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN 2023










CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN (PINTU) MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM (MDBBPI) TAHUN 2023

Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2023 bagi pembayar cukai taksiran yang terpilih dalam cabutan bertuah pada 3 Januari 2024 yang disempurnakan oleh Setiausaha MDBBPI, YBrs. En. Mohd Ezazee bin Mohd Embong. Pihak urusetia Unit Penilaian Dan Pengurusan Harta MDBBPI kepada semua pemenang dan kami berharap seluruh masyarakat untuk melaksanakan tanggungjawab melaksanakan pembayaran cukai taksiran (pintu) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**5 FEBRUARY 2024**

# PENERIMA ISTIADAT PENGURNIAAN KEHORMATAN KEBESARAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 2023 KALI KE-2












# P E N Y E R A H A N  L O R I  K O M P A K T O R










Penyerahan Lori Kompaktor Kepada Unit Pelesenan Dan
Kesihatan Awam Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.
Hadir Sama YABrs. Yang Dipertua, YBrs. Setiausaha,
YBrs. Ketua Whip dan YBrs. Ketua Unit Pelesenan Dan Kesihatan Awam.

**5 FEBRUARY 2024**

# Terima kasih !